



## SIARAN MEDIA

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

### **“PENJENAMAAN SEMULA PERKASAKAN LAGI IKM”**

Petaling Jaya, 16 Mei - Penjenamaan semula Institut Koperasi Malaysia (IKM) (*dulu dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia (MKM)* merupakan satu usaha Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk memperkasakan gerakan Koperasi di negara ini. IKM akan bertindak sebagai peneraju utama kecemerlangan Operator Koperasi (Koperator), yang merupakan antara penyumbang utama ke arah pengukuhkan ekonomi negara.

Majlis Pelancaran Penjenamaan IKM yang berlangsung di Auditorium Dato' Abdul Majid, IKM disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan turut dihadiri oleh En. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM serta Ahli Lembaga Pengarah IKM.

“Melalui penjenamaan semula ini, peranan IKM akan lebih strategik dalam membangunkan kapasiti gerakan koperasi sama ada ianya merupakan koperasi individu mahupun gerakan koperasi secara holistik. Usaha meningkatkan kapasiti koperasi akan berfokus kepada penambahbaikan rantaian nilai, logistik, pemasaran dan penembusan produk koperasi ke peringkat nasional dan antarabangsa”, menurut Datuk Wan Suraya.

Beliau turut menekankan bahawa “Dalam menerajui proses transformasi MKM ke IKM, ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk kementerian, agensi-agensi di bawah Kementerian serta para Koperator”.

Inisiatif penjenamaan ini secara khususnya memberi penekanan kepada tiga pelan transformasi IKM yang akan dilaksanakan iaitu;

1. Transformasi *OUTPUT* kepada *OUTCOME* dengan memberi fokus kepada memperkasakan pendapatan koperasi supaya 60% daripada koperasi di seluruh negara ini mencapai pendapatan melebihi RM1,000,000 setahun;

2. Transformasi untuk melonjak sumbangan daripada Koperasi kepada KDNK dari RM42 billion (2018) kepada RM55 billion menjelang 2020 menerusi pelbagai program termasuk *Million Ringgit Coop League* atau Liga Koop Jutaan Ringgit (*MiRiCLe*) di bawah IKM.
3. Transformasi struktur, budaya kerja dan pendekatan turun padang membantu Koperator.

Menurut En. Ariffin pula, "Melalui program *MiRiCLe*, IKM akan memantau keberkesanan latihan-latihan yang disampaikan kepada pertumbuhan pendapatan koperasi yang merangkumi rundingan, latihan, *mentoring*, *coaching*, penyelidikan dan penerbitan".

"Bagi jangka masa panjang pula, IKM akan mengembangkan peranan ICOOP daripada empat kursus peringkat Diploma kepada lebih banyak kursus-kursus berkaitan dan juga meningkatkan ke peringkat Ijazah di masa hadapan".

Pada majlis tersebut, Datuk Wan Suraya turut menyempurnakan pelancaran dua buah buku terbitan IKM iaitu 'Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi' dan 'Pengurusan Pasar Mini Koperasi'.

Buku 'Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi' ini adalah hasil kompilasi penulisan pegawai IKM yang berkisar mengenai perjalanan 19 koperasi terpilih dalam kalangan 100 koperasi terbaik di Malaysia; manakala buku 'Pengurusan Pasar Mini Koperasi' pula ditulis khas untuk semua koperasi, usahawan, pelajar dan pembaca yang ingin mendalamai pengetahuan tentang pasar mini secara menyeluruh.

\*\*\*\*\*

### **Mengenai IKKM**

*Institut Koperasi Malaysia (IKKM) yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan yang berperanan dalam memberikan latihan dan pendidikan kepada gerakan koperasi dan usahawan di seluruh Malaysia. Berpusat di Petaling Jaya, IKKM mempunyai lima buah cawangan keseluruhannya yang terletak di Sabah, Sarawak, Kuantan, Johor dan Alor Setar.*

### **Untuk sebarang maklumat lanjut:**

Unit Komunikasi Korporat  
Institut Koperasi Malaysia  
Tel: 03-7964 9172 / 03-7964 9157  
H/p :016 9013564 (Normila)  
Emel : [ikmmedia19@gmail.com](mailto:ikmmedia19@gmail.com)

